

11 NOV 2003

Mahathir-Globalisasi/I

MANFAAT GLOBALISASI TIDAK DINIKMATI - DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Manfaat globalisasi tidak dinikmati sepenuhnya kerana globalisasi digalakkan oleh mereka yang kaya dan tamak bagi kepentingan diri mereka semata-mata, kata bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Semasa berucap pada Forum Globalisasi 2003 di Okinawa Jepun hari ini, ucapan awam pertamanya selepas bersara 31 Okt lepas, Dr Mahathir berkata era globalisasi sudah tiba tetapi ia tidak mewujudkan sebuah dunia ideal seperti yang dijanjikan oleh sains dan teknologi moden.

Dr Mahathir berkata ketaksuban dengan perdagangan bebas tidak membawa kepada sebuah dunia yang saksama.

"Setakat ini apa yang kita lihat ialah sebuah dunia yang dalam huru hara, dalam kemelesetan ekonomi, dalam keadaan politik yang tidak stabil," katanya dalam ucapannya bertemakan "Demokrasi dan Keselamatan dalam Era Globalisasi."

Beliau berkata idea mengenai globalisasi bukannya datang daripada masyarakat antarabangsa secara menyeluruh tetapi daripada negara-negara kuasa besar, negara yang sama yang pada satu ketika dulu menguasai dunia melalui empayar mereka.

"Tidak menghairankan bahawa agenda yang mereka tetapkan bagi sebuah dunia globalisasi memberi tumpuan kepada idea dan strategi yang begitu ketara memberi kelebihan kepada mereka dan terhadap masalah tertentu yang dihadapi mereka," katanya dalam tek ucapan yang turut diedarkan di sini.

Dr Mahathir juga berkata demokrasi semata-mata tidak akan mewujudkan sebuah tamadun global moden kerana sementara dunia memerlukan demokrasi, ia juga memerlukan keadilan dan kesaksamaan.

"Kita bukan hanya memerlukan perdagangan bebas, tetapi yang lebih penting ialah perdagangan yang seimbang. Malangnya dalam era globalisasi, ketaksuban terhadap demokrasi dan kawalan menentang penganas telah mensia-siakan manfaat yang sepatutnya dinikmati sebuah dunia globalisasi daripada kemajuan dalam teknologi tinggi dan komunikasi," katanya.

Maka itu, dunia globalisasi diharapkan untuk hanya menerima satu ideologi dan sistem politik demokrasi serta satu masalah keselamatan iaitu mengenai bagaimana mengawal dunia daripada serangan penganas, katanya.

Bercakap mengenai keselamatan dan keganasan, Dr Mahathir berkata langkah keselamatan yang diambil mereka membawa lebih banyak keburukan berbanding serangan sebenar penganas kerana orang ramai bukan hanya takut untuk melancong tetapi tidak suka berbuat demikian, dan ini memberi kesan negatif terhadap ekonomi seperti syarikat penerbangan menjadi bankrap.

"Dunia semakin menjadi paranoid dan negara-negara yang paling berkuasa yang paling paranoid sekali," katanya.

Dr Mahathir berkata apa yang lebih dikesali ialah daripada mengurangkan penentangan terhadap penganas, dunia sebenarnya sedang melihat medan peperangan diperluaskan dengan serangan terhadap Afghanistan dan Iraq telah membawa lebih banyak masalah keselamatan.

"Di mana sebelum ini tiada serangan ganas di Iraq dan tiada bukti bahawa Iraq terlibat dengan serangan ganas, kini kita dengar setiap hari serangan ganas yang memberi kesan kepada pasukan bersekutu. Kini rakyat Iraq dan Afghanistan telah melahirkan lebih banyak anggota bagi bagi kumpulan ganas ini," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kuasa terbesar di dunia tidak berupaya untuk belajar daripada sejarah seperti pengalaman di Vietnam atau pengalaman

terbaru mereka sendiri di Afghanistan dan Iraq.

"Disebabkan itulah kenapa ada cakap-cakap mengenai tindakan untuk menyerang Syria dan Iran malahan Lubnan, Sudan and Libya," katanya.

Mengenai masalah Palestin, Dr Mahathir berkata konflik antara orang Yahudi dan Arab bermula semasa rakyat Eropah, dalam cubaan mereka untuk menyelesaikan masalah orang Yahudi mereka, menggalakkan Zionis mencari sebuah tanah air di Palestin, untuk mewujudkan negara Israel.

"Ia tiada kena mengena dengan agama langsung. Ia mengenai sebuah wilayah. Ia berkenaan mencuri tanah orang Arab bagi mewujudkan negara Israel," katanya.

Dr Mahathir berkata apa yang disaksikan dunia hari ini ialah satu peperangan untuk mendapatkan semula tanah orang Palestin Arab yang hilang.

"Disebabkan gagal dalam peperangan konvensional yang dibantu saudara mereka terhadap Israel kerana orang Eropah menyokong sebaliknya (Israel), mereka (rakyat Palaestin) melancarkan intifada membaling batu," katanya.

Mengenai keselamatan, Dr Mahathir berkata negara-negara kecil tidak berasa selamat lagi kini kerana hal ehwal dalaman mereka dicampuri oleh kuasa besar dan kemerdekaan mereka terhakis.

"Mereka diberitahu apa yang perlu dilakukan dan bagaimana untuk melakukannya. Jika mereka gagal, maka segala tindakan yang membebankan akan dikenakan terhadap mereka," katanya.

Menyentuh soal Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Dr Mahathir berkata badan dunia itu tidak bebas untuk membuat keputusan atau bertindak kerana ia di bawah kawalan lima negara pemenang perang besar terdahulu.

Tetapi apa yang lebih buruk lagi ialah negara kuasa besar telah tidak mempedulikan langsung PBB dan menceroboh serta menakluki negara atas helah palsu, katanya.

Dr Mahathir juga berkata demokrasi bukan satu ibadah.

"Ia tidak boleh menyelesaikan semua masalah sosial. Pastinya ia tidak dapat menjamin keselamatan bagi pengamalnya," katanya.

-- BERNAMA

RV SSA RON